

PERNIAGAAN T5 (PECUTAN AKHIR SPM 2022)

BAB 1 : PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (PSM)

PERANAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

4. (a) Jelaskan peranan pengurusan sumber manusia dari aspek yang berikut :

(i) Membangunkan pasukan untuk mencapai sasaran [3 markah]

(ii) Latihan peningkatan kemahiran [3 markah]

ASPEK PENGELOLAAN SUMBER MANUSIA

4 (a) Huraikan aspek pengelolaan sumber manusia dalam pembangunan perniagaan yang mampan. [3 markah]

ASPEK PENGELOLAAN SUMBER MANUSIA (PENGHARGAAN & HUKUMAN)

4. (a) Mengapakah penghargaan dan hukuman menjadi salah satu aspek penting dalam pengelolaan sumber manusia bagi sesebuah perniagaan. [4 markah]

Mengapakah penghargaan menjadi salah satu aspek penting dalam pengelolaan sumber manusia bagi sesebuah perniagaan? [3 markah]

ASPEK PENGELOLAAN SUMBER MANUSIA (SOP – STANDARD PROSEDUR OPERASI)

(c) Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan


Kilang Kayu Jati Berhad telah menyediakan Standard Prosedur Operasi (SOP) untuk menjaga keselamatan pekerjaanya.

Jelaskan aspek pengelolaan sumber manusia di atas. [3 markah]

(b) Syarikat Pembinaan Mega Makna telah menyediakan Standard Prosedur Operasi (SOP) untuk menjaga keselamatan pekerjaanya.

Jelaskan aspek pengelolaan sumber manusia berkaitan Standard Prosedur Operasi (SOP). [4 markah]

- (ii) Gambar 2 berkaitan dengan situasi memadamkan kebakaran.



Gambar 2

Jelaskan aspek pengelolaan sumber manusia tersebut.

[3 markah]

STRUKTUR ORGANISASI BERDASARKAN FUNGSI

- (b) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Syarikat ABC Berhad.

“Syarikat ABC Berhad merupakan sebuah syarikat pengeluaran dan penjualan komputer untuk pasaran tempatan. Pengarah urusan syarikat ialah En. Welda. Syarikat mempunyai beberapa jabatan iaitu jabatan kewangan, jabatan pemasaran dan jabatan sumber manusia. Jabatan pemasaran diketuai Puan Julisah dan dibantu oleh seorang eksekutif Cik Tita. Encik Azuan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap hal kewangan. Manakala En. Rasdan bertugas sepenuhnya terhadap hal kebajikan pekerja dan sumber manusia.”

Lakar dan labelkan carta organisasi Syarikat ABC Berhad.

[4 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Seri Mawar Sendirian Berhad.


Syarikat Seri Mawar Sendirian Berhad merupakan sebuah syarikat kosmetik. Pengurus besar syarikat tersebut ialah Puan Suzy. Syarikat ini mempunyai beberapa jabatan iaitu jabatan pengeluaran, jabatan pemasaran, jabatan kewangan dan jabatan sumber manusia. Jabatan pengeluaran diketuai oleh Encik Mahesh, Jabatan pemasaran pula diketua oleh Puan Rohana. Pengurus bagi jabatan kewangan ialah Encik Chang, manakala pengurus sumber manusia ialah Puan Bella.

Berdasarkan petikan di atas, lakarkan struktur organisasi yang sesuai dengan perniagaan tersebut.

[4 Markah]

STRUKTUR ORGANISASI BERDASARKAN MATRIKS

- (b) Gambar 4 berkaitan dengan satu struktur organisasi yang terdapat dalam sebuah perniagaan.



Gambar 4

Huraikan struktur organisasi tersebut.

[3 markah]

SISTEM PENGGAJIAN (FAKTOR PENENTU SISTEM PENGGAJIAN)

7. Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah pasaraya.

Miro Mart Sdn Bhd merupakan sebuah pasaraya yang beroperasi di Terengganu. Bilangan pekerja tetap seramai 200 orang dengan jualan tahunan RM30 juta.

Kebelakangan ini, Miro Mart menghadapi masalah pusing ganti pekerja. Ramai yang berhenti kerja kerana mendapat tawaran yang lebih menarik di syarikat lain. Bagi mengatasi masalah ini, pengurus sumber manusia telah merancang strategi bagi mengatasi masalah ini.

Terangkan faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh Miro Mart Sdn. Bhd. sebelum menetapkan gaji yang sesuai dibayar kepada pekerjaanya.

[6 markah]

BAB 2 : PENGURUSAN SUMBER FIZIKAL & TEKNOLOGI

PROSEDUR MENGURUS SUMBER FIZIKAL

Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah syarikat minuman.

Syarikat Minum Jus Sihat Sdn Bhd mengeluarkan Jus Pisang Susu Bermadu. Syarikat juga menyediakan perkhidmatan penghantaran Jus Pisang Susu Bermadu di sekitar Kawasan Kuala Nerus, Terengganu. Misi syarikat ialah jus berkualiti tinggi dan menyediakan perkhidmatan penghantaran jus yang cekap dan mesra pelanggan. Syarikat memiliki mesin pengisar buah, mesin pembungkusan, 2 buah van dan 1 buah motosikal. Bagi melancarkan aktiviti perniagaan, syarikat perlu mengurus sumber agar dapat berfungsi dengan baik. Permintaan yang tinggi daripada penduduk di sekitar Kuala Nerus, Terengganu menyebabkan syarikat terpaksa menambah bilangan kenderaan yang digunakan. Oleh itu, syarikat sedang mempertimbangkan untuk membeli kenderaan dan mesin.

Huraikan prosedur mengurus sumber bagi Syarikat Minum Jus Sdn Bhd.

[4 markah]

PROSEDUR MENGURUS SUMBER FIZIKAL (PENYELENGGARAAN & BAIK PULIH SECARA TERANCANG)

- (b) Gambar 1 berkaitan dengan sumber fizikal sebuah perniagaan.



Gambar 1

Huraikan prosedur mengurus sumber tersebut.

[6 markah]

4. Gambar 1 menunjukkan proses penyelenggaraan dan baik pulih penghawa dingin di sebuah kilang.



Gambar 1

- (a) Mengapakah penyelenggaraan perlu dijalankan secara berjadual?

[2 markah]

ASPEK MENGURUS SUMBER TEKNOLOGI (PATEN & HAK CIPTA TERPELIHARA)

4. a) Gambar 5 menunjukkan sumber teknologi yang dimiliki oleh dua buah perniagaan.



Gambar 5

Terangkan prosedur mengurus sumber teknologi yang perlu dilakukan oleh kedua-dua pemilik perniagaan tersebut. [6 markah]

PROSEDUR MENGURUS SUMBER TEKNOLOGI (PATEN)

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan yang dijalankan oleh Cik Fatin dan Cik Aleeya.

Cik Fatin dan Cik Aleeya menghasilkan baju kurung berjenama Faleeya. Selain menjual di butik mereka yang terletak di Eastern Plaza, mereka juga bercadang menjual baju kurung secara atas talian.

- (ii) Jelaskan prosedur mengurus sumber teknologi yang diperlukan oleh mereka. [3 markah]

- (c) Pengurusan paten adalah sebahagian daripada sumber teknologi.
Mengapakah usahawan perlu menguruskan paten bagi ciptaan sesuatu produk? [4 markah]

JENIS PEMBIAYAAN LUARAN (SEWA BELI – BANK)

Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah syarikat minuman.

Syarikat Minum Jus Sihat Sdn Bhd mengeluarkan Jus Pisang Susu Bermadu. Syarikat juga menyediakan perkhidmatan penghantaran Jus Pisang Susu Bermadu di sekitar Kawasan Kuala Nerus, Terengganu. Misi syarikat ialah jus berkualiti tinggi dan menyediakan perkhidmatan penghantaran jus yang cekap dan mesra pelanggan. Syarikat memiliki mesin pengisar buah, mesin pembungkusan, 2 buah van dan 1 buah motosikal. Bagi melancarkan aktiviti perniagaan, syarikat perlu mengurus sumber agar dapat berfungsi dengan baik. Permintaan yang tinggi daripada penduduk di sekitar Kuala Nerus, Terengganu menyebabkan syarikat terpaksa menambah bilangan kenderaan yang digunakan. Oleh itu, syarikat sedang mempertimbangkan untuk membeli kenderaan dan mesin.

- (c) Cadangkan jenis sumber pembiayaan yang sesuai.
Beri alasan anda.

[5 markah]

5. (a) Gambar 3 berkaitan dengan aset yang dibeli oleh sesebuah perniagaan.



Gambar 3

- (i) Nyatakan jenis sumber pembiayaan luaran yang sesuai untuk membeli aset tersebut? [1 markah]
- (ii) Berikan tiga kelemahan pembiayaan sumber tersebut. [3 markah]

JENIS PEMBIAYAAN LUARAN (OVERDRAF – BANK)

(b) Jelaskan kelebihan overdraf dalam membantu peniaga meluaskan perniagaan. [6 markah]

(b) Mengapakah peniaga memilih overdraf sebagai sumber pembiayaan perniagaannya? [4 markah]

KEKUATAN SUMBER PEMBIAYAAN LUARAN (AGENSİ KERAJAAN)

(b) Gambar 2 berkaitan sumber pembiayaan.



Gambar 2

Jelaskan kekuatan sumber pembiayaan tersebut. [3 markah]

KEKUATAN SUMBER PEMBIAYAAN LUARAN (BANK)

(c) Jelaskan kekurangan membuat pinjaman daripada bank atau institusi kewangan. [3 markah]

KEKUATAN & KELEMAHAN SUMBER PEMBIAYAAN LUARAN (BANK / AGENSI KERAJAAN)


5. (a) Berdasarkan teks di bawah, jawab soalan-soalan yang berikut.

Muliade telah menguasai perniagaan keropok lekor Terengganu secara kecil-kecilan di Bayu Damai. Beliau mempromosikan perniagaannya melalui sosial media dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan sehingga tempahan keropok lekornya meningkat setiap bulan. Beliau bercadang membesarkan perniagaan dengan meningkatkan lagi pengeluaran menggunakan mesin membuat keropok lekor dan membesarkan premis. Beliau bercadang untuk membuat pinjaman dari sumber pembiayaan luaran.

- i. Pada pandangan anda, pembiayaan luaran yang mana sesuai untuk Muliade?
[1 markah]
- ii. Nyatakan kekuatan dan kelemahan jenis pembiayaan yang dipilih di 1 (a) i?
[2 markah]

PROSEDUR MENDAPATKAN SUMBER PINJAMAN / PEMBIAYAAN PERNIAGAAN

- (b) Rajah di bawah berkaitan prosedur mendapatkan sumber pembiayaan untuk sesebuah perniagaan.



Jelaskan prosedur bagi **A**, **B** dan **C**.

[6 markah]

- b) Nyatakan **empat** dokumen yang diperlukan semasa membuat permohonan daripada bank dan institusi kewangan.
[4 markah]

BAB 4 : PENYATA KEWANGAN PERNIAGAAN

BUTIRAN DALAM PENYATA KEWANGAN (PENYATA ALIRAN TUNAI)

(c)

Menyediakan aliran penyata aliran tunai yang mudah berasaskan dokumen perniagaan yang dirancang.

Jelaskan **tiga** kepentingan penyata aliran tunai

[3 markah]

(c) Maklumat menunjukkan jenis penyata kewangan.

- Penyata kewangan
 - Penyata Pendapatan
 - X
 - Kunci Kira-kira

Jelaskan X

[3 markah]

Berikut adalah butiran dalam Penyata Aliran Tunai sebuah perniagaan.

Perkara	Jan	Februari
Baki b/b	15 000	B
Penerimaan		
Modal	10 000	
Jualan Tunai	25 800	42 780
Akaun Belum Terima	7 000	10 300
Jumlah Penerimaan	42 800	53 080
Pembayaran		
Belian Tunai	30 000	25 750
Akaun Belum Bayar	4 600	6 900
Gaji	10 000	10 000
Sewa	3 000	3 000
Jumlah Pembayaran	47 600	45 650
A	R	C
Baki h/b	S	T

Kirakan R, S dan T.

3 markah

b) Maklumat berikut berkaitan dengan penyata aliran tunai perniagaan Aini & Aina.

Perniagaan Aini & Aina
Penyata Aliran Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Okt 2022

	Ogos RM	Sept RM	Okt RM
Baki b/b	20,000	S	U
PENERIMAAN			
Jualan	55,000	65,000	70,000
Pinjaman	10,000	-	-
Jumlah Penerimaan	65,000	65,000	70,000
PEMBAYARAN			
Belian	20,000	25,000	40,000
Gaji	10,000	10,000	10,000
Belanja sewa	2,500	2,500	2,500
Pembelian aset	8,000	-	-
Pemiutang	1,500	2,000	3,000
Jumlah Pembayaran	42,000	39,500	55,500
R	23,000	25,500	14,500
Baki h/b	43,000	T	83,000

i. Jelaskan R. [2 markah]

ii. Hitungkan T. [3 markah]

PIHAK BERKEPENTINGAN KEPADA PENYATA KEWANGAN

(b) Jelaskan kepentingan penyata kewangan kepada pihak berkepentingan di bawah :

- i. Pelabur [3 markah]
- ii. Pihak pengurusan
- iii. Pembekal/Vendor

(b) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan perniagaan Puan Vida.

Puan Vida memulakan perniagaan menghasilkan produk kecantikan. Beliau perlu menyediakan penyata kewangan bagi meyakinkan pihak berkepentingan seperti pembekal dan pembiaya.

Jelaskan kepentingan penyata kewangan kepada pihak tersebut.

[3 markah]

(c) Nyatakan kepentingan menyediakan penyata kewangan kepada seseorang usahawan.

[3 markah]

(c) Mengapakah penyata kewangan penting bagi pihak pengurusan sebuah perniagaan?

[4 markah]

Pernyataan berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.

Encik Adam seorang usahawan muda yang baru memulakan perniagaan restoran berkonsepkan makanan barat. Walaupun banyak restoran lain menjual makanan yang sama, namun beliau yakin dengan keunikan resepihnya dan strategi pemasaran yang dijalankan melalui aplikasi WhatsApp dan Facebook, mampu bersaing dan menjana keuntungan. Selain itu, harga yang ditawarkan lebih menarik berbanding pesaing.

Dalam tempoh 2 tahun akan datang, En Adam berhasrat membuka sebuah lagi cawangan yang baharu.

Laporan kewangan yang disediakan oleh Penyelia Kewangan perniagaan Encik Adam menggambarkan kedudukan kewangan yang sangat baik dan sistematik

Disebabkan perniagaannya masih baharu dan persaingan yang sengit, beliau perlu memikirkan strategi campuran pemasaran yang lebih berkesan untuk meningkatkan jualan.

- (b) Terangkan kepentingan penyata kewangan kepada Perniagaan Encik Adam.

[4 markah]

- (b) Mengapakah penyata kewangan diperlukan oleh pihak berkepentingan? [3 Markah]

MENTAFSIR PENYATA KEWANGAN MENGGUNAKAN NISBAH ASAS (PERATUSAN MARGIN UNTUNG BERSIH)

- c) "SYARIKAT PERWIRA MEMPEROLEH UNTUNG BERSIH SEBANYAK RM 304,084 MANAKALA JUALAN BERSIH ADALAH RM567,320."

Kirakan peratus margin untung bersih bagi Syarikat Perwira.

[4 markah]

9. Maklumat berikut berkaitan kedudukan kewangan Pasaraya Sakan Sdn Bhd.

Nisbah	2019	2020
Nisbah Untung		
a) Peratusan Margin Untung Kasar	30%	15.3%
b) Peratus Margin Untung Bersih	4.0 %	2.9%

Berdasarkan maklumat kewangan,

(a) Huraikan prestasi perniagaan Pasaraya Sakan Sdn Bhd berdasarkan nisbah untung .

[5 markah]

MENTAFSIR PENYATA KEWANGAN MENGGUNAKAN NISBAH ASAS (ANALISIS NISBAH KECAIRAN)

5. Jadual di bawah menunjukkan butiran dalam kunci kira-kira/ penyata kedudukan kewangan.

Aset bukan semasa	RM100 000
Aset semasa	RM50 000
Liabiliti bukan semasa	RM80 000
Liabiliti semasa	RM30 000

(a) Hitungkan nisbah semasa berdasarkan maklumat di atas. [2 markah]

JUSTIFIKASI KEDUDUKAN KEWANGAN BERDASARKAN PENYATA KEWANGAN

(b) Maklumat berikut berkaitan perniagaan Sinar Pagi Sdn. Bhd dan Era Zaman Sdn. Bhd.

Nisbah	Sinar Pagi Sdn. Bhd	Era Zaman Sdn. Bhd
% Untung Tokokon	25%	20%
% Margin Untung Bersih	15%	12%
Nisbah Semasa	3:1	4:1
Pusing Ganti Aset	4 kali	3 kali
Pusing Ganti Stok	5 kali	4 kali

(i) Prestasi perniagaan manakah lebih baik. Berikan alasan. [3 markah]

(ii) Perniagaan manakah mempunyai keupayaan membayar hutang yang lebih baik. Kemukakan alasan. [3 markah]

KELEBIHAN USAHAWAN KEPADA MASYARAKAT

b) Senaraikan **empat** kelebihan menjadi usahawan kepada masyarakat

(4 markah)

(b) Jelaskan kelebihan menjadi usahawan kepada keluarga dan masyarakat?

[4 markah]

(c) Gambar di bawah menunjukkan perbualan antara Cik Joan dengan Cik Susan.



Jelaskan kelebihan Susan menjadi seorang usahawan kepada diri sendiri dan masyarakat selepas tamat pengajian di universiti.

[4 markah]

FAKTOR – FAKTOR PENYUMBANG MEMULAKAN PERNIAGAAN

(b) Kawan anda ingin memulakan perniagaan menghasilkan Kuih Bahulu. Jelaskan **tiga** faktor bagi peniaga untuk memulakan sesuatu perniagaan.

[3 markah]

(b) Terangkan faktor yang perlu dipertimbangkan untuk memulakan perniagaan baharu.

[4 markah]

FAKTOR – FAKTOR PENYUMBANG MEMULAKAN PERNIAGAAN (LOKASI)

- (b) *‘Rakan anda ingin memulakan perniagaan menghasilkan pelbagai jenis sambal untuk pasaran tempatan.’*

Terangkan ciri-ciri lokasi yang sesuai kepada perniagaan rakan anda. [3 markah]


FAKTOR – FAKTOR PENYUMBANG MEMULAKAN PERNIAGAAN (STOK)

- (c) Apakah perbezaan jenis-jenis stok. [4 markah]

BAB 6 : PERSEDIAAN MEMULAKAN PERNIAGAAN

PROSES MENDAFTARKAN PERNIAGAAN (MILIKAN TUNGGAL & PERKONGSIAN)

- b) Rajah 2 menunjukkan proses penubuhan syarikat milikan tunggal.



Rajah 2

Berdasarkan rajah 2 diatas, nyatakan proses bagi **X**, **Y** dan **Z**.

[3 markah]

PROSES MENDAFTARKAN PERNIAGAAN (SYARIKAT SDN BHD / SYARIKAT BHD)

- (c) Gambar 3 menunjukkan sebuah entiti perniagaan.



Jelaskan prosedur pendaftaran perniagaan tersebut.

[3 markah]

T/JAWAB YANG PERLU DIPATUHI OLEH USAHAWAN SETELAH MENDAFTARKAN PERNIAGAAN

- (b) Jelaskan tanggungjawab usahawan selepas menubuhkan perniagaan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. [4 markah]

- b) Gambar 7 menunjukkan dokumen yang diterima oleh usahawan setelah mendaftar perniagaan.



Gambar 7

Jelaskan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh seseorang usahawan setelah mendapat dokumen tersebut. [4 markah]

DOKUMEN YANG PERLU DISIMPAN OLEH USAHAWAN

(c) Huraikan rekod perniagaan yang perlu disimpan dalam sebuah perniagaan?

[3 markah]

Nyatakan dokumen perniagaan yang perlu disimpan dengan sistematik dan lengkap dalam sesebuah perniagaan

**DOKUMEN YANG PERLU DISIMPAN OLEH USAHAWAN SELEPAS MENDAFTARKAN PERNIAGAAN
(INVOIS)**

b) Maklumat berikut berkaitan dengan dokumen perniagaan yang perlu disimpan oleh sesebuah perniagaan.

Kedai Seramik Sharifah menjual 50 set pinggan mangkuk kepada Kedai Yana pada harga RM7,500 secara kredit.

Jelaskan dokumen perniagaan yang perlu dikeluarkan oleh Kedai Seramik Sharifah.

[4 markah]

**PERSEDIAAN UNTUK MENJALANKAN AKTIVITI PEMASARAN & JUALAN BAGI PRODUK &
PERKHIDMATAN (4P'S)**

b) Pengurus pemasaran akan membentuk strategi pemasaran untuk meningkatkan jualan.

Terangkan **dua** campuran pemasaran.

[4 markah]

Pernyataan berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.

Encik Adam seorang usahawan muda yang baru memulakan perniagaan restoran berkonsepkan makanan barat. Walaupun banyak restoran lain menjual makanan yang sama, namun beliau yakin dengan keunikan resepihnya dan strategi pemasaran yang dijalankan melalui aplikasi WhatsApp dan Facebook, mampu bersaing dan menjana keuntungan. Selain itu, harga yang ditawarkan lebih menarik berbanding pesaing.

Dalam tempoh 2 tahun akan datang, En Adam berhasrat membuka sebuah lagi cawangan yang baharu.

Laporan kewangan yang disediakan oleh Penyelia Kewangan perniagaan Encik Adam menggambarkan kedudukan kewangan yang sangat baik dan sistematik

Disebabkan perniagaannya masih baharu dan persaingan yang sengit, beliau perlu memikirkan strategi campuran pemasaran yang lebih berkesan untuk meningkatkan jualan.

Berdasarkan petikan, huraikan elemen campuran pemasaran yang sesuai.

[6 markah]

BAB 7 : MERANCANG PENGENDALIAN PERNIAGAAN

KEPENTINGAN MENYEDIAKAN RANCANGAN PERNIAGAAN

(c) Nyatakan kepentingan menyediakan rancangan perniagaan.

[3 markah]

6. a) Terangkan dua kepentingan rancangan perniagaan.

(4 markah)